

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera

### **BANK ISLAM GIAT PERKASA USAHAWAN PKS**

**KUALA LUMPUR, [23 November 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (“UUM”) dan SME Corporation Malaysia (“SME Corp”) hari ini menganjurkan majlis graduasi untuk Program Pembangunan PKS 2.0 untuk 65 peserta daripada kalangan usahawan PKS tempatan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Dianjurkan untuk tahun kedua, program ini bertujuan untuk menyediakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan kemahiran dan pengetahuan yang penting dalam meningkatkan kebolehmampuan serta daya saing mereka terutamanya dalam menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar.

Program latihan selama tiga bulan ini menawarkan modul pembelajaran yang komprehensif dan berstruktur yang meliputi bidang pendigitalan, asas perakaunan, penyediaan pelan perniagaan, pengurusan sumber manusia, penjenamaan dan pemasaran, pengurusan kewangan dan tadbir urus. Ia direka untuk memperkasa para peserta supaya menjadi usahawan mahir yang dapat mewujudkan perniagaan yang mampan.

Penyampaian sijil tamat latihan telah disempurnakan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam; Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor UUM (Penyelidikan dan Inovasi) dan Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp.

Encik Mohd Muazzam berkata, “PKS adalah tulang belakang ekonomi Malaysia, di mana ia menyumbang sebanyak 38.3% kepada KDNK pada 2018, berbanding 37.8% pada tahun sebelumnya. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai usahawan yang berpengetahuan dan mahir yang akan terus menyumbang kepada kesejahteraan negara.”

"Program Pembangunan PKS menawarkan platform untuk meningkatkan kemahiran dan menyediakan bimbingan ke arah membentuk perusahaan yang berjaya. Ia juga penting bagi perusahaan ini untuk mencapai kadar yang lebih baik dalam pemarkahan kredit yang akan membolehkan mereka menjadi lebih berdaya saing, terutamanya di pasaran global."

"Sambutan untuk program ini amat menggalakkan. Tahun ini, kami telah menerima dua kali ganda daripada jumlah peserta berbanding tahun lepas. Dalam persekitaran ekonomi semasa ini, lebih ramai masyarakat bersedia untuk mengambil risiko bagi meneroka peluang membuka perniagaan baharu. Oleh itu, kita perlu membantu usahawan tersebut dalam membekalkan mereka dengan pengetahuan secukupnya agar perniagaan yang mampan mampu dicapai", tambah beliau.

Sejak pelancaran program ini pada tahun 2018, UUM telah bekerjasama dengan Bank Islam dalam menyediakan silibus pembelajaran untuk program ini. Pada tahun ini, SME Corp turut mengambil bahagian untuk memperkemaskan lagi modul pembelajaran agar dapat menjadikannya lebih berkesan dan relevan dengan persekitaran perniagaan semasa.

"Kami juga merancang untuk terus melaksanakan program ini pada masa akan datang, dan diharapkan kami dapat bekerjasama dengan lebih ramai pakar dalam bidang ini untuk memperkukuhkan inisiatif kami ke arah memperkasakan PKS di negara ini," jelas Encik Muazzam.

Berlandaskan Visi Kemakmuran Bersama 2030, usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara dan merapatkan jurang pendapatan masyarakat dalam membina sebuah ekonomi yang mampan, Bank Islam akan terus memperluaskan perkhidmatan perbankan dan sumbangan kepada ekonomi sebenar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Visi ini selaras dengan strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") yang diterapkan dalam Bank Islam yang memberi penekanan antara satu sama lain untuk mengembangkan perniagaan PKS Bank.

Bahagian Perbankan PKS Bank Islam telah beroperasi selama hampir dua tahun sejak penubuhannya pada 1 Januari 2018. Bank Islam berada pada landasan yang betul dalam mencapai sasaran RM1 bilion pembiayaan untuk tahun ini. Sehingga kini, Bank telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM782.5 juta untuk menyokong segmen PKS.

“Kami berharap dapat memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang lebih menarik di pasaran yang memenuhi setiap kategori PKS tahun depan.” tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<p><b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a></p>
--	--